

**NO SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN R. SIVARASA**  
[ SUBANG ]

**TARIKH** : **24 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN** :

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa Kerajaan tidak mahu melaksanakan dasar pemberian permit teksi hanya kepada individu dan bukan syarikat supaya pemandu-pemandu tidak perlu menyewa permit mengakibatkan lebih mudah bersaing dengan pemandu-pemandu UBER, GrabCar dan sebagainya

**JAWAPAN:** **YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian lesen teksi diberikan kepada pemilik individu dan juga syarikat. Berdasarkan kepada rekod, kebanyakan individu yang diberikan tawaran lesen tidak mampu untuk melesenkan kenderaan kerana gagal untuk mendapat pinjaman bank bagi pembelian kenderaan.
2. Walaubagaimanapun, inisiatif Program Transformasi Industri Teksi oleh Kerajaan disasarkan dapat untuk mengatasi masalah ini. Pelbagai inisiatif sedang diteliti untuk dilaksanakan, antaranya cadangan pemberian lesen individu kepada pemandu teksi di bawah sistem pajak yang layak dan menepati kriteria serta pemberian geran tunai untuk pembelian kenderaan teksi untuk memudahkan pemandu untuk lesen individu dan membeli kenderaan.

Sekian, terima kasih.

**NO.SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9034**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan perniagaan-perniagaan yang mempunyai lesen untuk menjual senjata api dan langkah-langkah tapisan (*vetting*) yang diambil sebelum perniagaan-perniagaan diberikan lesen tersebut.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2016, sebanyak 171 syarikat telah diberikan lesen menjual senjata api dan peluru mengikut jenis perniagaan diseluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 syarikat di Sarawak, 33 di Kuala Lumpur, 22 di Sabah, 16 di Perak, 15 di Selangor, 8 di Johor, 7 di Pahang, 5 di Kelantan, masing-masing 4 di Kedah, Terengganu dan negeri Sembilan, 3 di Melaka dan 2 di Pulau Pinang. Tiada lesen menjual senjata api direkodkan di Negeri Perlis.**

**Tapisan keselamatan juga dijalankan sebelum kelulusan lesen bernesiga senjata api diberikan kepada seseorang pemohon yang merangkumi tapisan rekod jenayah oleh Jabatan Siasatan Jenayah PDRM, rakaman cap jari oleh Bahagian Pendaftaran Jenayah JSJ PDRM, laporan Ketua Polis Balai dimana perniagaan akan dijalankan, serta ulasan dan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Daerah dan agensi-agensi lain seperti Jabatan Bomba berhubung lokasi premis perniagaan yang hendak dijalankan.**